

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Mulia,

Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong,
Timbalan Pengetua Pusat Sejarah
Selaku Pengerusi Majlis

Yang Berhormat,

Pechin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil
Al-Sufri bin Begawan Pechin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar,
Pengetua Pusat Sejarah

Yang Mulia,

Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal,
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia,

Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman,
Timbalan Setiausaha Tetap,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam berserta dengan sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Tahniah kepada Pusat Sejarah Brunei atas usaha berterusan menerbitkan buku-buku sejarah yang relevan dengan persejarahan negara ini. Usaha seumpama ini hendaklah terus dipertingkatkan, dan perolehan penyelidikan sejarah selama ini disebarluaskan sejajar dengan peranan Pusat Sejarah Brunei yang bertanggungjawab menanamkan semangat cintakan Raja, Bangsa, Agama dan Negara.

Saya percaya buku-buku yang akan dilancarkan pada pagi ini, khususnya buku **Brunei Darussalam : Negara Melayu Islam Beraja** karangan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, akan dapat menambahkan rujukan bermakna terhadap sejarah negara ini. Rujukan ini terutamanya sangat-sangat diperlukan oleh golongan akademik dan pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi. Buku Yang Berhormat Pehin ini dapat memperjelas lagi falsafah negara Melayu Islam Beraja, nilai-nilai luhur yang terkandung di dalamnya, dan dengan yang demikian memperkuuh lagi ketataan pada Raja, Agama dan Negara. Pelancaran buku ini adalah bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 yang dapat menyumbang untuk menanamkan falsafah negara kepada “Tunas Bangsa” sebagai penerus cita-cita dan pembinaan negara bangsa yang berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Buku-buku lain yang dilancarkan, terutamanya buku **Sultan Haji Hassanal Bolkiah : Penegak Warisan Melayu**, tulisan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, amat berfaedah untuk dibaca kerana ia mengisahkan perjuangan dan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha baginda mengembalikan dan mengekalkan kedaulatan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka dan berdaulat.

Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 ini, mudah-mudahan buku-buku yang dilancarkan pada pagi ini akan dapat menyuntik semangat patriotik dan cintakan tanah air di kalangan anak bangsa dalam sama-sama bersaing cekal mengaharungi era zaman yang penuh cabaran ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.